

# Pengaruh Hinduisme dalam Kehidupan Masyarakat Melayu: Rujukan Khusus Karya Pilihan R.O. Winstedt

**Mohd Farhan Abd Rahman<sup>1</sup>, Muhd Imran Abd Razak (Ph.D)<sup>1</sup>, Ahmad Firdaus Mohd Noor (Ph.D)<sup>1</sup>, Mukhamad Khafiz Abdul Basir<sup>1</sup> & Nurul Khairiah Khalid<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

## ABSTRAK

R.O. Winstedt merupakan seorang orientalis yang berkhidmat di Tanah Melayu sebagai pentadbir British. Bentuk pemikiran beliau berteraskan falsafah positifisme empirik logik iaitu fahaman yang mementingkan penggunaan akal sepenuhnya sebagai pendekatan utama bagi mendapatkan sesuatu fakta keilmuan berdasarkan kaedah penelitian yang sistematis dan teliti. Falsafah ini menolak pembuktian sesuatu fakta menggunakan sumber wahyu kerana dianggap tidak relevan dalam pembuktian sejarah. Artikel ini menumpukan kepada analisa terhadap pandangan Winstedt berkaitan pengaruh Hinduisme dalam kehidupan masyarakat Melayu khususnya di Tanah Melayu menerusi empat buah karya pilihan beliau. Penulis menggunakan kaedah grafisejarah, perbandingan dan analisis kandungan bagi menganalisis pandangan tersebut. Hasil kajian mendapati pendekatan pemikiran Winstedt dalam menilai pengaruh Hinduisme dalam kehidupan masyarakat Melayu terutamanya kebudayaan, perundungan dan mitos memperlihatkan sudut pandangan yang meragukan dan berat sebelah. Beliau percaya masyarakat Melayu telah terpengaruh dengan budaya dan cara hidup Hinduisme dalam setiap corak kehidupan termasuklah tahap kepandaian dalam membina sebuah tamadun hingga menafikan sumbangan Islam dalam kehidupan masyarakat. Hal ini berpunca dari kelemahan golongan orientalis dalam memahami kandungan Islam disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu Eurocentrism. Pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun berbanding bangsa lain hingga digelar “ambassador of civilization” iaitu penyelamat kepada bangsa yang perlu ditamadunkan.

**Kata kunci:** Winstedt, Pengaruh Hinduisme, Islam, Tanah Melayu, Masyarakat Melayu

## 1. PENGENALAN

Antara kebudayaan yang dianggap penting dalam perbincangan mengenai Alam Melayu serta menarik perhatian ramai pengkaji ialah Islam dan Hinduisme. Tumpuan terhadap kedua-dua kebudayaan ini antaranya meliputi soal peranan dan sumbangannya dalam pembinaan tamadun di gugusan kepulauan Melayu (Mohd Zariat, 2005). Ia turut menarik perhatian pihak orientalis Barat bagi mengkaji pengaruh Islam dan Hinduisme ke atas masyarakat Timur khususnya di Alam Melayu.

Menurut Hashim (2001), matlamat utama orientalis adalah untuk memisahkan para pengikut Islam dari asas-asas akidah dengan menjadikan agama itu tidak berperanan besar dalam kehidupan mereka. Di Tanah Melayu khususnya, golongan ini meletakkan Islam sekadar berperanan dalam urusan ibadah dan upacara keagamaan sahaja seperti perkahwinan. Adams (1975) dan Said (1977) berpandangan bentuk pemikiran orientalis ini didasari oleh pendekatan kajian orientalis klasik yang bersumberkan logik akal. Idris (1999) menegaskan bagaimana pihak orientalis beranggapan kesengsaraan manusia sepanjang kehidupan ini adalah disebabkan tertipu dengan konsep ketuhanan yang dibawa oleh sesuatu agama. Ia dijadikan sebagai satu alasan bagi sesbuah institusi masyarakat dalam menuntut ketaatan dari manusia.

Sepanjang tempoh perkhidmatan Winstedt di Tanah Melayu, beliau cuba melakukan pelbagai perubahan di luar penerimaan masyarakat Melayu dengan menggunakan pandangan peribadinya yang konservatif terhadap Islam (Mohd Farhan, 2017). Antaranya adalah menganggap Islam sebagai faktor negatif dalam proses perkembangan Alam Melayu dan pengaruh Hindu memainkan peranan penting dalam pembentukan budaya masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Bagi menghuraikan pandangan Winstedt mengenai pengaruh Hinduisme dalam kehidupan masyarakat Melayu, penulis akan memfokuskan kepada empat buah karya pilihan Winstedt iaitu *The Malay: A Cultural History*, *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, *A History of Malaya* dan *Kitab Tawarikh Melayu*.

## **2. PANDANGAN R.O. WINSTEDT MENGENAI PENGARUH HINDUISME KE ATAS MASYARAKAT MELAYU**

### **1) *The Malay: A Culture History* (1961).**

Karya ini membincangkan tentang kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu, bagaimana terbentuknya sistem kepercayaan dari pengaruh Hindu hingga tibanya Islam. Winstedt juga menghuraikan mengenai undang-undang adat khususnya Minangkabau. Menurut beliau, undang-undang Islam dan undang-undang adat adalah dua jenis perundungan yang berbeza berdasarkan pendekatan orientalis. Karya ini turut menghuraikan tentang bagaimana kebudayaan Melayu terbentuk, bermula dari Kerajaan Melayu Melaka hingga kerajaan Melayu yang lain di rantau Alam Melayu saling berhubungan di antara satu sama lain, dari segi sejarah, bahasa, kesusasteraan dan sosial.

Di awal pengenalan karya, Winstedt jelas mengangkat karya ini sebagai sebuah kajian yang lengkap mengenai masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Beliau menyatakan:

*The conception of culture in this book is implicit in its table of contents. Broadly it is regarded as a body of ideas, practices and techniques that have been cherished by the Malays long enough to affect their way of life, a legacy that gives them heart and interests saves their minds from inanition as food saves their bodies.*

(ms. 1)

Winstedt berpandangan bahawa keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu merangkumi sistem kepercayaan, budaya, bahasa, sosial dan kesusasteraan dari pengaruh Hinduisme dan Islam. Beliau menyatakan bahawa:

*Malay culture includes a fear of nature spirits, an instinctive perception of the “unbecoming” rather than of the sinful and the criminal, the séance of the shaman, the Hindu ritual of a royal installation, the celebration of the Muhammadan New Year, the sermon in the mosque, the pilgrimage to Mecca, Sufi mysticism...*

(ms. 1)

Winstedt di dalam karya ini turut menyatakan, bahawa Islam di Tanah Melayu merupakan persis dari agama Hindu dan dipengaruhi dengan kepercayaan Hinduisme. Hujah beliau berdasarkan dari penemuan Marco Polo pada tahun 1292, bahawa sebelum penerimaan Islam di Samudera dan Pasai, sistem kepercayaan pertama yang dipegang oleh masyarakat tersebut adalah agama Hindu, selepas itu barulah agama Islam mula memperluaskan kekuasaannya di seluruh rantau Alam Melayu. Berdasarkan pandangan di atas, Winstedt beranggapan bahawa Islam yang ada di Tanah Melayu telah diselaputi dengan nilai-nilai Hinduisme dan menyebabkan Islam dianggap sebagai agama yang lemah, yang mudah dipengaruhi oleh kepercayaan lain.

Winstedt juga membuat perbandingan di antara undang-undang Islam dengan adat khususnya Minangkabau meliputi persoalan perkahwinan, jenayah dan perwarisan. Winstedt

berpandangan bahawa undang-undang Adat Perpatih dan Adat Temenggong adalah dua jenis undang-undang yang berbeza di Tanah Melayu. Beliau beranggapan undang-undang Adat Temenggong mempunyai pengaruh Islam dan Hindu. Manakala, undang-undang Adat Perpatih pula telah dikategorikan sebagai undang-undang asal di Tanah Melayu tanpa mempunyai kedua-dua pengaruh tersebut.

Di akhir karya ini, Winstedt telah menafikan tahap kepandaian masyarakat Melayu dengan mengatakan:

*The Malay is still a child of nature in a sophisticated world that awaits his exploration. If any Malay should develop an original literary bent, it is more likely that the impulse will come from densely populated Java or even from Sumatra rather than from the two and a half million Malays of the peninsula, though it is not always the probable that happens.*

(ms. 181)

## 2) *A History of Malaya* (1988).

Karya ini memfokuskan kepada sejarah Tanah Melayu bermula dari tempoh pengaruh Hinduisme dan Islam, zaman Kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan iaitu portugis, Belanda dan British, Kesultanan Johor selepas jatuhnya Kesultanan Melayu Melaka, hubungan Tanah Melayu dengan kerajaan Siam, pencerobohan tentera Jepun hingga kemerdekaan Tanah Melayu. Terdapat juga perbincangan mengenai kebudayaan, kesusasteraan, sosial dan agama dalam karya tersebut, namun perbincangannya dibuat secara umum.

Malah, Winstedt beranggapan bahawa karya tersebut menjawab segala persoalan mengenai sejarah Tanah Melayu. Beliau mengatakan:

*No one can engage in first-hand research in all the fields of Hindu, Malay, Chinese, Portuguese, Dutch and English history, so that like every modern historian I am indebted for the material of some of my chapters to the labours of others whose works are cited in my bibliography. The discovery before the world war in the library of the chamber of Deputies, Paris, of the *Suma Orientalis* of Tome Pires has helped me in my researches into the early history of Malacca.*

(ms. iii)

Menerusi karya ini, Winstedt telah mengkategorikan penduduk di Tanah Melayu kepada empat bangsa yang besar, iaitu:

*Omitting Indians, Chinese and other immigrants of historical times, the inhabitants of Malaya are of four races: the Negrito, the Sakai, the Jakun (or proto-Malay) and the civilized Malay, though anthropology has not left the Sakai pure and finds even the Negrito composite.*

(ms. 11)

Winstedt telah menghuraikan pengkategorian tersebut dengan panjang lebar dan jelas pada sudut pandangan orientalis. Namun, penghuraian tersebut dilihat mengandungi unsur berat sebelah dan prejudis terhadap bangsa-bangsa tersebut kerana terdapat banyak keburukan yang disebut berbanding kebaikan di dalamnya.

Beliau turut mempertikaikan kepandaian bangsa Melayu bukan kerana sifat asal mereka tetapi disebabkan faktor pengaruh budaya asing yang ditiru secara selektif oleh bangsa tersebut seperti dari Arab dan India. Penjelasan mengenai pengaruh Hinduisme dalam kehidupan masyarakat Melayu tidak selengkap karya *The Malay: A Culture History*. Isi perbincangannya memfokuskan kepada tempoh pemerintahan Sri Vijaya dan Majapahit di

rantau ini sebelum penyebaran Islam dan penuhnya kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Winstedt menjelaskan:

*Sri Vijaya had its beginning at Palembang which lying at the south of Sumatra dominated the straits of Sunda. Near to its capital Bukit Seguntang (its Mahameru) is a statue of Buddha in the Amaravati style, which goes to confirm a statement by the Buddhist I-Tsing that in 671 A.D.*

(ms. 33)

Di akhir karya ini, Winstedt membuat kesimpulan bahawa bangsa Melayu tidak mempunyai identiti tersendiri, dengan mengatakan:

*The Malays have experienced many foreign influences, incomparably the greatest being that from India, which gave them three religions, a new magic and medicine, law Hindu and Islamic, the arts of sculpture, gold and silver-work and silk-weaving, two alphabets and a secular and religious literature, full of Sanskrit words for abstract concepts such as danger, intellect, kindness, language, name, price, profit, property, religion, heaven and hell.*

(ms. 263)

### 3) *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic* (1925).

Karya ini membincangkan tentang perhubungan di antara pengaruh Hindu dan Islam khususnya dalam bidang perubatan masyarakat Melayu. Perbincangannya menyentuh tentang sejauhmana tahap kepercayaan masyarakat Melayu berkaitan perkara di atas, adakah kepercayaan tersebut masih diamalkan di kalangan masyarakat walaupun sudah lama berpegang dengan ajaran Islam seperti upacara pemujaan tanaman, upacara khas menyambut kelahiran bayi dan sebagainya. Menerusi karya ini, Winstedt cuba membuktikan Islam yang dianuti oleh masyarakat di Tanah Melayu adalah berasal dari India Selatan. Beliau mengatakan:

*Islam coming first from India, introduced the Malay to a wide field of fresh magic.*  
 (ms. 26)

Beliau beranggapan Islam yang dibawa ke Tanah Melayu secara khusus datang dari India Selatan berdasarkan pewarnaan latar belakang yang kuat di Pasai, hasil kajian ke atas karya *Hikayat Raja Pasai*. Winstedt juga cuba menunjukkan persamaan di antara pengucapan “mantera” oleh penganut agama Hindu ketika upacara rasmi seperti perubatan dengan “doa” yang selalu diucapkan oleh pengamal perubatan Islam. Contoh pengucapan tersebut ialah:

*Genies of supernatural power!  
 Your home is at the navel of the sea,  
 By the tree on the broken rock!  
 Enter not the line drawn by my teacher!  
 Else will I curse ye with the words!  
 "There is no God but Allah and Muhammad it His Prophet"  
 OM! I neutralize all evil,  
 O Solomon! In the name of God.*

Winstedt turut menambah:

*When Islam came, the Malay magician sat at the feet of its pundits, studied their arts of divination, and borrowed their cabalistic talismans. Before his old incantations he set the names of Allah and Muhammad, often in impious contexts.*

(ms. 21)

Menerusi pandangan di atas, jelas menunjukkan bahawa Winstedt percaya Islam yang dianuti oleh masyarakat di Tanah Melayu dibawa dari India dan pegangan agama di kalangan masyarakat tidak begitu kuat kerana masih diselaputi dengan nilai-nilai Hinduisme serta mudah dipengaruhi oleh kepercayaan lain. Menurut Winstedt:

*Long before the introduction of Islamic mysticism, Hinduism had encouraged the Malay magician to fortify his powers and command the wonder of the credulous by ascetic practices.*  
(ms. 21)

4) *Kitab Tawarikh Melayu* (1927).

Penghasilan karya bahasa Melayu ini dibantu oleh Daeng Abdul Hamid Tengku Muhammad Salleh. Karya ini dikategorikan oleh Za'ba (1940) sebagai "*The first scientific work on general Malay history ever produced in the Malay language*" dalam karyanya yang bertajuk *Modern Developments*. Menurut Winstedt, penulisan sesebuah karya sejarah mestilah memiliki fakta dan bukti yang menunjukkan kebenaran sesuatu peristiwa itu. Bagi beliau, sebarang karya yang mengetengahkan unsur mitos dan cerita dongeng dalam sesuatu penceritaan seperti kesusasteraan Melayu terdahulu adalah ditolak sama sekali.

Karya ini memfokuskan kepada sejarah tamadun Melayu, bangsa, pengaruh Hindu dan Islam dalam masyarakat, zaman Kesultanan Melayu Melaka, kesusasteraan hingga kedatangan pihak penjajah ke atas Tanah Melayu. Winstedt menggunakan sudut pandangan yang skeptikal (meragukan) dan berat sebelah apabila memberi pandangan terhadap karya kesusasteraan Melayu sebagai:

*Maka sunggoh pun ada hikayat mencheritakan hal zaman purba kala itu, tetapi tiada-lah berapa guna-nya: kerana segala yang di-riwayatkan dari hal dewa-dewa dan orang kesaktian yang tersebut kesah-nya di-dalam hikayat-hikayat itu sa-mata-mata-lah nampak-nya cherita menyedapkan telingga sahaja, bukan-nya dari-pada perkara yang di-terima dan di-hargakan pada nilayan tawarikh.*  
(ms. 16)

Karya ini juga membincangkan tentang bangsa di seluruh kepulauan Melayu terutamanya di Tanah Melayu. Beliau menggelarkan bangsa ini sebagai bangsa campuran, dengan mengatakan:

*Sa-sunggoh-nya dari-pada perchamporan lain-lain bangsa (terutama orang Hindu) dengan benih pancharan nenek moyang orang Melayu itu-lah telah jadi-nya bangsa Melayu yang ada sekarang ini, ia-itu yang memenohi jadi penduduk-penduduk merata-rata 'Alam Melayu'.*  
(ms. 27)

Winstedt juga memandang rendah suku kaum peribumi Melayu yang lain seperti Semang dan Sakai apabila mengkategorikan mereka sebagai primitif berbanding masyarakat Melayu yang dianggap lebih bertamadun. Malah, Winstedt turut menjelaskan mengenai pengaruh Hindu dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu dengan mengatakan:

*Maka guru yang mula-mula datang memberi tiruan atau tuladan ka-pada orang Melayu berkenaan dengan perkara-perkara kemajuan dan tamaddun dan fikir-fikiran baru yang tiada pada orang Melayu zaman itu ia-lah orang Hindu; khabar-nya mereka mulai datang itu pada kurun Masehi yang kedua (T.M. 200), tatkala Tanah Jawa sudah di-duduki oleh orang Hindu itu".*  
(ms. 7)

Beliau percaya pengaruh Hindu yang membawa Tanah Melayu kepada ketamadunan berbanding Islam. Malah, Winstedt beranggapan masyarakat Melayu tidak berpegang teguh

dengan ajaran Islam walaupun sudah lama memeluk agama tersebut. Pada peringkat awal penyebaran Islam ke Tanah Melayu, guru-guru agama tidak begitu dihormati serta sering dipandang serong oleh masyarakat.

### **3. PANDANGAN SARJANA BERKENaan PENGARUH HINDUISME DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU**

#### **1) Pandangan Mengenai Mitos**

Winstedt (1961) menolak penggunaan mitos dalam pembuktian sesuatu peristiwa sejarah. Beliau berpandangan karya yang menggunakan unsur mitos sebagai tidak logik seperti *Salasilah Raja-Raja di Negeri Kutai*, *Hikayat Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Siak* dan *Tuhfat al-Nafis*. Berdasarkan pandangan tersebut, Winstedt beranggapan tahap pengetahuan masyarakat Melayu lebih rendah berbanding masyarakat di Barat selaras dengan pendekatan historiografi iaitu ketepatan fakta melalui pembuktian logik akal. H.M.J. Maier (1988, 62) berpandangan:

*Winstedt, on the other hand, was fully aware of reading a text and not reality, and when he tried interpreting the world in term of the hikayat he had to draw the conclusion that Malay historiography was apparently operating from a distinct set of rules and regulations of knowledge that made it incommensurable with modern Western historiography, and also inferior.*

Tatiana (2011) menjelaskan, memang terdapat unsur-unsur mitologi dalam karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke-13 hingga 19. Terdapat maklumat yang berbentuk separa sejarah iaitu penceritaan berkaitan dengan tradisi sebelum dan selepas menganut Islam. Penceritaan karya sejarah ini dalam bentuk hikayat dibuat atas titah pemerintah bagi memuji dan mengambarkan kehebatan pentadbiran yang dimiliki. Setiap maklumat yang terdapat dalam karya-karya tersebut perlu dikaji secara kritis dan terperinci bagi mengetahui kebenarannya. Penulis beranggapan adalah tidak sesuai untuk mengatakan karya-karya sejarah di atas sebagai kurang bernilai dan menolak penggunaannya sebagai sumber-sumber sejarah yang penting. Tatiana (2011, 52) turut berpandangan:

*Dalam mitos-mitos yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah itu, berlaku transformasi penting yang dipengaruhi oleh Islam. Unsur-unsur mitologi tradisional (cerita mengenai kanak-kanak kembar, perkahwinan suci, anak dewa-dewi dan lain-lain) beransur-ansur hilang dan diganti dengan maklumat yang berkaitan dengan tamadun Islam. Muncul juga banyak definisi dan watak daripada kebudayaan Arab, Parsi, India, Macedonia, Turki dan lain-lain. Ini ternyata bahawa alam Melayu adalah lebih terbuka dan hubungan intelektualnya juga lebih luas.*

#### **2) Pandangan Mengenai Kebudayaan Melayu**

Orientalis pertama yang mengatakan sejarah alam Melayu mempunyai unsur-unsur kebudayaan India ialah Snouck Hurgronje (Mohd Farhan, 2016). Ia dijadikan sebagai asas rujukan dalam persoalan sejarah, amalan budaya, pengaruh dan asal usul agama di alam Melayu oleh orientalis Barat. Menurut Aliza (2012, 613):

*Dalam konteks pengkajian orientalis terhadap sejarah Islam di alam Melayu, persamaan rupa zahiriyyah pada banyak amalan yang bersifat kebudayaan dengan masyarakat Islam di benua India atau amalan pra-Islam telah menguatkan andaian bahawa Islam di sini tidak mungkin pada fikiran mereka berasal dari tanah Arab atau disebarluaskan oleh orang-orang Arab.*

Alam Melayu melalui perjalanan sejarah yang panjang dan telah berkomunikasi dengan tamadun India, China dan Arab. Sesuai dengan sifatnya yang mempunyai nisbah penyerap

kebudayaan yang tinggi, tamadun Melayu sedia menerima dan mengubahsuai pelbagai pengaruh asing. Sifatnya cukup terbuka, tetapi keterbukaannya tidak pula sampai menghilangkan identiti teras atau merombak seluruh strukturnya (Abdul Aziz, 2000). Penerimaan pengaruh asing sentiasa ada, hanya perlu disesuaikan secara bijak dengan kehendak dan nilai falsafah kebudayaan sendiri. Dalam soal ini, Siddiq (2006, 142) berpandangan:

*Pengislaman tidak bererti penghapusan secara total budaya tempatan. Memang Islam tidak bermaksud menghapuskan segala yang bersifat kebudayaan peribumi. Tidak semua unsur budaya peribumi itu negatif, malah sebaliknya banyak yang positif. Dalam hal-hal keduniaan, Islam mengamalkan prinsip yang disebut “al-Bara’ah al-Asliyyah” atau “al-Ibahat al-Asliyyah” yang membawa maksud bahawa semuanya dibolehkan, kecuali yang dilarang.*

Menurut Mohd Zamberi (2014), Winstedt menerusi penulisannya mendakwa kebudayaan Melayu berasas daripada negara India sehingga kurun ke-19. Ini merangkumi cara hidup, sistem politik, perubatan, sastera, seni dan pertukangan. Namun Siddiq (2006, 142) menegaskan:

*Sebahagian kepercayaan dan adat Melayu pra-Islam memang karut, sesat dan perlu dihapuskan. Ia mungkin bersumber dari pengaruh Hindu, Buddha, animisme atau kepercayaan-kepercayaan keperibumian lainnya. Tetapi terdapat juga adat budaya yang tidak bertentangan dengan hukum atau nilai-nilai Islam, terutama adat yang lahir dari pemerhatian terhadap alam.*

#### **4. PANDANGAN MENGENAI PERUNDANGAN ISLAM DAN ADAT**

Berdasarkan pembacaan karya-karya Winstedt seperti yang disebutkan sebelum ini, penulis mengenal pasti beberapa pandangan beliau mengenai perundangan Islam menerusi karya bertajuk *The Malays: A Culture History*, apabila beliau membandingkan undang-undang Islam dengan undang-undang adat khususnya Minangkabau dari segi pelaksanaan dan penerimaan masyarakat terhadap kedua-dua perundangan tersebut pada masa itu. Menurut al-Attas (1978), undang-undang Islam merupakan perundangan yang paling adil dan memenuhi segala keperluan manusia. Tetapi, undang-undang ini di Tanah Melayu telah bercampur aduk dengan undang-undang adat yang dicipta oleh manusia untuk menjaga kedudukan sesetengah golongan seperti bangsawan.

Winstedt (1961) berpandangan bahawa Undang-undang Adat Perpatih dan Adat Temenggong adalah dua jenis perundangan yang berbeza di Tanah Melayu. Beliau menjelaskan Undang-undang Adat Temenggong mempunyai pengaruh Islam dan Hindu. Manakala, Undang-undang Adat Perpatih pula dikategorikan sebagai undang-undang asal di Tanah Melayu tanpa mempunyai kedua-dua pengaruh tersebut. Winstedt (1961, 91) menjelaskan:

*There are digests, containing traces of Malay indigenous patriarchal law, but mixed with relics of Hindu law and overlaid with Muslim law. This patriarchal law is called Adat Temenggong or law of the Minister for war and police.*

Dari sudut ini, Winstedt (1988) melihat kedatangan Islam sebagai halangan utama kepada kemajuan undang-undang Melayu terutamanya berkaitan dengan adat dan tidak sesuai diamalkan di Tanah Melayu. Bagi memperjelas hujah di atas, penulis memberikan pandangan dari Chee Yunk Yan. Beliau menyatakan:

*They perceived Islam and Malay adat laws as irreconcilable and conflicting because Islamic laws originated from a different social context, so it could not practically serve the needs of the Malays.*

Beliau turut menambah:

*The colonial writers judged Islamic laws as static and arbitrary and that has a negative impact upon the traditional Malay laws.*

(Yunk Yan 2009, 140)

Pandangan Chee Yunk Yan ini menjadi bukti bagaimana penilaian berat sebelah pihak orientalis dalam menilai sesuatu perkara berkaitan Islam jelas terpengaruh dengan pendekatan kajian orientalis klasik yang sangat memusuhi Islam. Bagi pihak penjajah, undang-undang Islam di Tanah Melayu tidak memberikan pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat Melayu dan kedudukannya lebih rendah berbanding undang-undang adat (Mohd Farhan, 2019). Menurut Winstedt:

*Those taken in adultery might be stoned to death under Muhammadan Law. But over the relation of the sexes the adoption of that law was as gradual as in other fields of jurisprudence. Brutal as many of the penalties in the Malacca digest are, its mediaeval customary law was more lenient towards sexual offences than contemporary Muslim practice.*

(Winstedt 1961, 105)

Menerusi pandangan ini, beliau jelas melabelkan undang-undang adat sebagai tidak zalim dan lebih memenuhi kehendak masyarakat. Buktinya dapat dilihat dengan ungkapan beliau iaitu “*was more lenient*” berdasarkan pandangan di atas tadi. Bagi penulis, apa yang diperkatakan oleh Winstedt ini adalah untuk memperkecilkan pengaruh undang-undang Islam dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Tanah Melayu. Ini dijelaskan dengan pandangan Auni (2005, 107-108), iaitu:

*Sementara di Kepulauan Indonesia, pihak penjajah Belanda telah meneruskan langkah-langkahnya yang tertentu untuk melemahkan pengaruh undang-undang Islam. Ini dilakukan dengan menonjolkan kepentingan hukum adat yang mengatasi hukum agama. Polisi ini diperkenalkan dengan menetapkan bahawa orang-orang Eropah yang berada di Indonesia tertakluk kepada undang-undang Belanda. Sementara rakyat peribumi Indonesia pula tertakluk kepada hukum asli iaitu hukum adat. Dengan polisi ini, undang-undang Islam dianggap sebagai hukum asing yang kurang keutamaannya. Undang-undang syariah hanya dianggap mempunyai nilai-nilai keagamaan tanpa membawa implikasi perundangan dan hanya diperlakukan sekiranya diterima oleh hukum adat.*

## 5. PENUTUP

Tanggapan yang salah berkaitan pengaruh Hinduisme dan Islam terhadap budaya masyarakat Melayu oleh pihak orientalis akan terus berlaku disebabkan sifat keangkuhan yang menganggap dunia Barat bertamadun tinggi mengatasi tamadun yang lain. Malah, memperkecilkan pengaruh peradaban Islam terhadap keperibadian bangsa Melayu.

Pendekatan pemikiran Winstedt terhadap Islam di Tanah Melayu jelas memperlihatkan sudut pandangan yang skeptikal (meragukan) hingga hampir semua penulisannya mengenai Islam dan masyarakat Melayu berdasarkan sudut pertimbangan yang berat sebelah serta menyimpang dari sejarah tamadun Melayu. Pandangan beliau ini berdasarkan paradigma evolusi dan difusi yang terdapat dalam pendekatan orientalisme. Beliau meletakkan pendekatan logik akal pada tahap yang tinggi, hingga berpendapat segala tradisi, adab dan tatacara keilmuan serta perundangan Islam boleh dipersoalkan kesahihannya.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bagi penulis, tidak menghilangkan terus pengaruh adat dari kehidupan masyarakat Melayu. Malah kedatangan tersebut dilihat dari sudut positif sebagai “*led to a selective syncretisation*” iaitu mana-mana adat yang dianggap sesuai dan tidak bercanggah dengan Islam akan dikekalkan seperti biasa. Hujah di atas adalah bercanggah dengan pandangan Winstedt yang beranggapan undang-undang Islam dan adat tidak boleh dilaksanakan bersama kerana undang-undang Islam pada tanggapan orientalis, kandungannya tidak sesuai untuk diamalkan di Tanah Melayu disebabkan perbezaan budaya dan tempat tinggal.

Winstedt melabel masyarakat Melayu sebagai bangsa yang lemah dari segenap segi seperti ketinggalan dalam aspek kemajuan dan pemodenan disebabkan berpegang kepada agama Islam. Winstedt dilihat gagal dalam memahami masyarakat Melayu disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu *Euro-centrism*. Sudut pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun melebihi bangsa yang tinggal di Asia merangkumi Timur Tengah dan juga di Tanah Melayu. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut, pihak British dianggap sebagai “*ambassador of civilization*” iaitu penyelamat kepada masyarakat di Alam Melayu. Apabila Winstedt menjadikan pendekatan *Euro-Centrism* sebagai kayu pengukur untuk mengkaji sejarah Tanah Melayu, ternyata beliau belum lagi memahami sepenuhnya berkenaan masyarakat Melayu, malah berat sebelah dalam mentafsirkan persoalan berkenaan Islam di Tanah Melayu.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz, D. (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adams, C.J. (1975). Islam. *A Reader's guide to the great Religions*. New York: McGraw Hill Book.
- Aliza, E. (2012). Kecenderungan Paksi India: Implikasinya Terhadap Pensejarahan Islam di Alam Melayu. Dalam Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (Eds.). *Adab dan Peradaban: Karya Pengitirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Auni, A. (2005). Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu. Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn. Bhd.
- Hashim, M. (2001). *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris, Z. (1999). Intelek Eropah dan Penentangan Terhadap Agama. *Al-Maw'izah*, bil. 7.
- Maier, H.M.J. (1988). *In the Center of Authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*. Ithaca: Cornell University Southeast Asia Program.
- Mohd Farhan, A.R. & Nor Adina, A.K. (2017). Orientalist's View of the Malay Community: A Focus on R.O. Winstedt. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*. 7(1S): 12-20.
- Mohd Farhan, A.R., Muhsin Imran, A.R., Ahmad Firdaus, M.N., Mukhamad Khafiz, A.B. & Nurul Khairiah, K. (2019). Kedudukan Perundangan Jenayah Islam dan Adat ke atas Masyarakat Melayu di Tanah Melayu Menurut Pandangan Orientalis: Rujukan Khusus Terhadap R.O. Winstedt. *Jurnal Ulwan*. 4(1): 86-99.
- Mohd Farhan, A.R., Rahimin Affandi, A.R., Nor Adina, A.K., Muhsin Imran, A.R. & Amin, C.A. (2016). Orientalis dan Masyarakat Melayu: Analisis Terhadap Karya Pilihan R.O. Winstedt. Prosiding Language, Education & Civilization International Conference (LECIC2016). Akademi Pengajian Islam Kontemporari & Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, 24-25 May 2016.
- Mohd Zamberi, A.M. (2014). *Sir RicZhard Olaf Winstedt: Orientalis atau Sarjana*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Zariat, A.R. (2005). Antara Islam dan Hinduisme di Alam Melayu: Beberapa Catatan Pengkaji Barat. *Jurnal Sari*. 23(1): 67-82.

- Said, E.W. (1977). *Orientalism*. London: Penguin.
- Siddiq, F. (2006). Pertembungan Islam dengan Budaya Peribumi: Pengalaman Alam Melayu. Dalam Md. Saleh, M. et.al (Eds.). *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Tatiana A.D. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Winstedt, R.O. (1925). *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*. London: Constable.
- Winstedt, R.O. (1927). *Kitab Tawarikh Melayu*. Singapore: Fraser & Neave.
- Winstedt, R.O. (1938). The Malay Annals, Raffles Ms 18. *JMBRAS*. 16(3).
- Winstedt, R.O. (1961). *The Malay: A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Winstedt, R.O. (1988). *A History of Malaya*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Zainal Abidin, A. (1940). Modern Developments. *JMBRAS*. 17(3).